

Bantu anak yatim berdikari — PM

19 FEB 1994

KUALA LUMPUR 18 Feb.— Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, anak-anak yatim seharusnya diberi bantuan latihan dan kemahiran bagi membolehkan mereka hidup secara berdikari.

Sebaliknya kata beliau, masyarakat tidak seharusnya menjadikan mereka sebagai golongan yang mengharapkan bantuan kewangan semata-mata, sehingga menjadi beban kepada masyarakat.

“Bantuan dalam bentuk latihan dan pembentukan sikap penting supaya mereka dapat bersaing dengan orang lain.

“Tanggungjawab kita bukan untuk menjadikan mereka beban sepanjang hayat kepada masyarakat, tetapi menjadikan mereka sebagai golongan yang boleh berdikari di atas kaki sendiri,” kata beliau ketika berucap melancarkan Yayasan Kebajikan Anak-Anak Yatim Malaysia (YATIM) di Pusat Islam di sini, hari ini.

Menurut beliau, di samping menyediakan peluang-peluang latihan, anak-anak yatim juga seharusnya tidak dimanja-manja terlalu sangat.

“Anak-anak yatim adalah sama

dengan anak-anak yang ada ibu bapa. Cuma mereka tidak ada ibu bapa untuk menguruskan mereka.

“Jangan terlalu memanjakan anak-anak yatim. Inilah merupakan cara yang terbaik di samping memberi bantuan latihan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau bersyukur kerana mereka yang berjaya dalam perniagaan tidak lupa untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik.

“Saya bersyukur mereka yang berjaya tidak lupa membantu mereka yang kurang bernasib baik. Tetapi mereka juga tidak harus lupa kepada yang bertugas di sempadan dan luar negara, khususnya anggota-anggota tentera,” katanya.

Pada majlis tersebut, Dr. Mahathir yang juga penaung yayasan itu menerima sumbangan daripada korporat dan orang perseorangan.

Sebanyak RM11.5 juta telah dikumpulkan menerusi sumbangan derma.

Antara syarikat-syarikat menyumbangkan derma RM1 juta ialah Renong Berhad, Kumpulan Berjaya, Multi-Purpose Berhad, G-Team Consultant dan Advance Energy Group Of Company.

Dalam pada itu, bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin yang juga penasihat YATIM menyumbangkan RM2 juta.

Seorang lagi penasihat yayasan itu ialah Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Napsiah Omar.

Sementara itu Pengerusi YATIM, Datuk Ahmad Sebi Bakar berkata, ia ditubuhkan dengan tujuan membiayai kebajikan anak-anak yatim yang pintar tanpa mengira kaum, agama atau warna kulit supaya mendapat pendidikan yang bermutu dari segi rohani, moral dan jasmani.

“YATIM ingin melihat supaya anak-anak yatim yang berpotensi untuk maju diberi peluang serta bimbingan agar mendapat pendidikan yang bermutu melalui sekolah-sekolah terpilih di sekitar Lembah Klang hingga ke peringkat universiti,” katanya.

Pada peringkat permulaan, kata beliau, YATIM akan memilih anak-anak yatim daripada rumah-rumah anak yatim di setiap negeri berdasarkan pencapaian akademik mulai daripada tingkatan satu dan menempatkan mereka di asrama yayasan berkenaan.